



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (27 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **16 kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 819 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu (16 Kes Jangkitan Tempatan)

i) Kes melibatkan Kluster Baki (12 Kes Baharu).

Dua belas (12) kes baharu dikesan melalui aktiviti pengesanan secara aktif di Kampung Haji Baki. Kes-kes ini telah menjalani saringan pada 24 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR COVID-19 pada 25 Oktober 2020 mendapati mereka positif COVID-19. Kesemua kes merupakan kontak rapat kepada kes indek Kluster Baki.

Kes-kes ini adalah dalam lingkungan umur 7 hingga 75 tahun, di mana tiga (3) merupakan pelajar sekolah rendah, dua (2) pelajar sekolah menengah, lima (5) orang dewasa dan dua (2) warga emas. Hanya satu (1) kes yang mempunyai tanda dan gejala. Kesemua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

ii) Kes Saringan di Fasiliti Kesihatan Swasta (3 kes jangkitan tempatan)

Terdapat tiga (3) kes baharu yang dikesan melalui saringan kontak rapat di fasiliti kesihatan swasta di Kuching. Kes-kes ini merupakan kontak kepada kes ke-798 yang telah dilaporkan pada 26 Oktober 2020. Kesemua kes ini telah menjalani saringan kendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta pada 26 Oktober 2020 selepas kes ke-798 disahkan positif. Keputusan ujian rT-PCR mendapati kes-kes ini positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes-kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesahan kontak rapat kepada kes-kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan diketahui, kes-kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

iii) Kes Melalui Pengesanan Kes Secara Aktif (1 kes jangkitan tempatan)

Satu (1) kes telah dikesan melalui aktiviti pengesanan aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 25 Oktober 2020. Kes adalah seorang lelaki warganegara tempatan yang berniaga di salah satu kawasan perniagaan terkemuka di Bandaraya Kuching. Kes telah menjalani saringan pada 25 Oktober 2020. Keputusan ujian rT-PCR pada 26 Oktober 2020 telah mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan kes ini diketahui, kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 27 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, lapan (8) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 27 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

Adalah dimaklumkan bahawa satu (1) kes yang didaftarkan di Selangor telah dikeluarkan daripada kluster ini atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia setelah didapati mendapat jangkitan dari punca lain.

iii) **Kluster Baki**

Terdapat **dua belas (12)** kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada **25** orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 949 individu telah disaring, dimana:

- **25 kes** dikesan positif COVID-19;
- 823 individu negatif; dan
- 101 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 2.63%. Sehingga 27 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Aktiviti Pengesanan Secara Aktif di Kampung Haji Baki

Seramai 845 individu telah disaring semasa aktiviti pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 25 adalah positif, 744 individu adalah negatif dan 101 individu yang di saring masih menunggu keputusan ujian Makmal.

iv) Kluster Seladah

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 18 individu telah disaring, dimana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- Lima (5) individu negatif; dan
- Enam (6) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 38.88%. Sehingga 27 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat empat (4)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dua (2) dari Hospital Umum Sarawak dan dua (2) Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **736** orang atau **89.87%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **64** orang iaitu:

- 63 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- Satu (1) kes di Hospital Miri

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.32%.**

Hari ini **20 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Aktiviti Pengesanan Secara Aktif Di Kawasan 101 Kuching

Susulan pengesanan kes positif COVID-19 warga China pada 23 Oktober 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah menjalankan aktiviti pengesanan secara aktif di kawasan 101 Kuching pada malam 25 Oktober 2020.

Seramai 271 individu telah disaring semasa aktiviti pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di kawasan 101 Kuching. Keputusan bagi saringan di kawasan 101 adalah 270 negatif dan satu (1) positif COVID-19.

E. Aktiviti Pengesanan Kes Secara Aktif (ACD) di Galacity, Kuching.

Pada malam 26 Oktober 2020, satu aktiviti pengesanan secara aktif (ACD) telah dijalankan di pusat perniagaan Galacity, Kuching. Seramai 312 individu telah disaring untuk ujian rT-PCR COVID-19. Setakat 27 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua individu yang telah disaring masih menunggu keputusan ujian makmal.

Seramai 110 petugas kesihatan dan anggota pangkalan hadapan telah terlibat dalam operasi ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi yang terlibat dan kepada orang ramai yang telah memberi kerjasama semasa perjalanan aktiviti ini.

F. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Kuching telah bertukar dari status kuning kepada merah dengan jumlah keseluruhan seramai 49 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan menilai kes-kes yang telah berlaku dimana tempat-tempat yang berisiko tinggi jangkitan serta tempat-tempat yang sukar diawasi untuk dilaksanakan SOP, maka keputusan berikut telah dibuat:

A. Penutupan Pusat Hiburan dan Pusat Refleksologi

Semua Pusat Hiburan (Karaoke dan Kelab Malam) dan Pusat Refleksologi di seluruh Sarawak ditutup buat sementara waktu mulai **28 Oktober 2020** sehingga arahan diberitahu kelak.

B. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Haji Baki

Hari ini daerah Kuching telah bertukar status dari kuning kepada merah dengan merekodkan 49 kes jangkitan tempatan. Daripada jumlah kes tersebut, 25 kes adalah dari kawasan Kampung Haji Baki. Kes positif di Kampung Haji Baki telah dilaporkan pada 18 Oktober 2020. Semenjak kes indek kluster tersebut dilaporkan, KKM telah melakukan penjejakan kontak dan *Active Case Detection* (ACD) pada 25 Oktober 2020.

Di kalangan 25 kes tersebut, ia melibatkan ahli keluarga terdekat kes indek, jiran terdekat, pelajar sekolah rendah dan menengah serta pekerja kesihatan.

Untuk memutuskan rantaian bagi kluster ini, maka JPBN akan mengambil Langkah pencegahan dengan melaksanakan PKPD.

Arahan Perintah Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Haji Baki akan berkuatkuasa mulai **28 Oktober (mulai 6.00 petang) hingga 11 November 2020.**

Kawasan Terlibat

- i. Kampung Haji Baki Blok A
- ii. Kampung Haji Baki Blok B
- iii. Kampung Haji Baki Blok C

Kawalan Pergerakan

- i. PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA.
- ii. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.
- iii. Pergerakan keluar masuk pegawai bertugas dan warder bertugas ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan case by case basis.
- iv. Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk dalam tempoh PKPD berkuatkuasa.

Aktiviti Di Kawasan PKPD

- i. Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing.
- ii. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, mereka dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- iii. Semua surau, masjid, rumah ibadat lain dan sekolah di dalam kawasan PKPD ditutup sepanjang tempoh ini.
- iv. Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi.
- v. Aktiviti keagamaan, social, rekreasi dan budaya dan sukan adalah tidak dibenarkan.
- vi. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat

- vii. Bekalan keperluan makan akan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Kuching.

Semua majikan (Penjawat Awam / Swasta) hendaklah memberikan kerjasama untuk membenarkan pekerja yang tinggal di kawasan PKPD ini untuk berkerja dari rumah.

3. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN / KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **13 kompaun** di Daerah Kuching (6), Miri (3), Sarikei (2), Kota Samarahan (1) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **83 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan MD Marudi (20), SMC (18), DBKU (15), BDA (14), MD Serian (5), MBKS (3), MD Sarikei (2), MDMJ (2), MDDM (2) dan MB Miri (2).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,575 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (184), Restoran (284), Kilang (14), Bank (132), Pejabat Kerajaan (34), Penjaja (118), Pasar Tani/Awam (82), Tempat Ibadah (87), Tempat Riadah (59), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (560).

Seramai **550 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (256), ATM (32), RELA (128), APM (82), PBT (35), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1) dan Sri Aman (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **980** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
27 OKTOBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	803	Kes sedang dirawat di hospital	64	7.81%
Kes Baharu	16	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	139,206	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	819	Jumlah kes kematian	19	2.32%
IR per 100,000 penduduk	26.55	Kes telah sembuh dan discaj	736	89.87%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	5		20	10,011
Menunggu keputusan	1			
	9,189			

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	63	0	0	1	0	64
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	2	0	2	0	4
	Kumulatif	607	39	46	42	736
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	19	6,644	16	516	2	442	0	12	62	63	49
	Jumlah	19	6,644	16	516	2	442	0	12	62	63	49

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	573	0	113	0	109	0	4	0	0	0
2	Bintulu	0	312	0	46	0	46	0	0	0	0	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	116	0	15	0	15	0	0	0	0	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Lundu	0	257	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
13	Miri	0	843	0	31	2	30	0	1	0	2	0
14	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
15	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
16	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	3,367	0	303	2	294	0	7	2	4	0

Jumlah Besar	20	10,011	16	819	4	736	0	19	64	67	49
--------------	----	--------	----	-----	---	-----	---	----	----	----	----

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **170 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **2,030 orang**. Manakala seramai **28,388 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,255)	Hock Lee	146
2		Kuching Park	137
3		Hilton	251
4		Harbour View	239
5		Riverside (Astana Wing)	161
6		Tune Hotel	98
7		Dormani Hotel	37
8		Grand Continental	186
9	Miri (489)	Mega Hotel	119
10		Imperial Palace	94
11		Eastwood Valley	69
12		Meritz	92
13		Miri	5
14		Dynasty	110
15		Citi Hotel	0
16	Bintulu (67)	Wasan Inn	16
17		Motel Kapok	32
18		Faber Inn	19
19	Limbang (115)	Purnama	67
20		Seri Malaysia (Lawas)	38
21		Shangshan (Lawas)	6
22		Mandarin (Lawas)	4
23	Sibu (104)	Premier	104
Jumlah PUS			2,030

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (3), Sibu (1), Samarahan (1), Serian (1) dan Kapit (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,851 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	3	601
2	Miri	TIADA	347
3	Sibu	1	185
4	Samarahan	1	123
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	TIADA	114
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	1	68
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	1	52
12	Mukah	TIADA	49
Jumlah Keseluruhan			1,851

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **56 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	8
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MP Sri Aman	4
5	MP Sibu	9
6	BDA	3
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
9	MD Lawas	8
Jumlah		56